

22 APR 2002

Saintis-Antartika

SAINTIS CADANG M'SIA DIRI PUSAT PENYELIDIKAN TETAP DI ANTARTIKA

PASIR MAS, 22 April (Bernama) -- Seorang saintis Malaysia hari ini mencadangkan kerajaan membina pusat penyelidikan tetap di benua Antartika bagi membolehkan saintis negara membuat penyelidikan untuk tempoh yang mencukupi.

Prof Madya Dr Nik Meriam Sulaiman berkata ketika ini, saintis Malaysia terpaksa menumpang di beberapa pusat penyelidikan milik negara lain ketika membuat penyelidikan di benua itu.

"Dengan adanya pusat berkenaan, saintis negara akan dapat membuat penyelidikan dalam bidang sains ekstrim dengan lebih sempurna iaitu dapat menjalankan penyelidikan sepanjang masa," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah bertajuk "Sains Ekstrim: Menjelajah Ke Benua Antartika" sempena program Pusat Sains Negara (PSN) Di Desa di Sekolah Menengah Teknik Pasir Mas di sini hari ini.

Program empat hari mulai semalam itu adalah yang kedua di negara ini selepas Sungai Petani, Kedah bertujuan mendedahkan pelajar dan masyarakat mengenai bidang sains.

Nik Meriam adalah antara empat saintis negara yang pertama menjejakkan kaki ke benua Antartika dari 13 hingga 25 Okt 1999 untuk membuat beberapa penyelidikan sains.

Pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Kimia, Universiti Malaya itu menumpukan penyelidikan berhubung masalah pencemaran.

Menurutnya pihak swasta perlu membantu kerajaan dalam menyediakan dana kepada mana-mana saintis untuk membuat penyelidikan di benua itu kerana ia memerlukan peruntukan kewangan yang besar.

"Walaupun kosnya adalah amat besar tetapi percayalah ia tidak akan merugikan negara dalam tempoh jangka panjang," katanya.

Nik Meriam bersetuju bahawa benua Antartika itu perlu dijadikan sebagai milik semua masyarakat di dunia ini dan perlunya saintis mendedahkan kajian mereka di benua itu untuk kepentingan sejagat.

Katanya lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke benua itu baru-baru ini membuktikan pentingnya benua itu kepada sistem ekologi dunia.

Menyentuh tentang tahap kesedaran masyarakat negara ini terhadap masalah pencemaran, beliau berkata ia perlu ditingkatkan lagi kerana masih ramai yang belum mengetahui mengenai pentingnya penjagaan alam sekitar.

"Pembangunan perlu seimbang dan dirangka dengan begitu berhati-hati agar tidak memusnahkan alam sekitar yang boleh mewujudkan pencemaran," katanya.

Nik Meriam juga mencadangkan kerajaan menjana minat, terutama di kalangan pelajar sekolah supaya mempelajari bidang sains ekstrim dan seterusnya menjadi saintis negara.

-- BERNAMA

ZI BD LAT